

Pembangunan Korporat

Pelbagai acara berkaitan perkembangan korporat telah berlaku dalam Tahun Kewangan 2005 Kumpulan AmBank. Beberapa proses korporat telah dilaksanakan di sepanjang tahun yang akan membina asas untuk memperkemas dan memudahkan struktur korporat serta membolehkan Kumpulan menawarkan rangkaian produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang komprehensif.

Penswastaaan AMFB

Penswastaaan AMFB, di mana AHB telah memperolehi pemegangan saham sebanyak 35.7% yang dahulunya dipegang oleh pemegang saham minoriti dalam AMFB, telah dilaksanakan untuk memudahkan penggabungan perniagaan perbankan komersil dan syarikat kewangan Kumpulan untuk menjadi satu entiti yang sah dan memegang Lesen Bank dan Syarikat Kewangan (BAFIN).

Penyenaraian Kumpulan AmInvestment

AHB melaksanakan penyenaraian AIGB di Papan Utama di Bursa Malaysia melalui tawaran terbatas untuk penjualan saham-saham AIGB kepada para pemegang saham AHB sekarang apabila penswastaaan AMFB dilengkapkan.

- Hasil daripada proses penyenaraian digunakan untuk membiayai penswastaaan AMFB
- Memberi ganjaran kepada para pemegang saham. Menyediakan peluang kepada para pemegang saham untuk menyertai secara langsung dalam ekuiti AIGB dan untuk mendapatkan faedah daripada keuntungan modal hasil daripada pertambahan nilai saham-saham AIGB pada masa akan datang
- Penyusunan semula dalam menjangka Rangka kerja Perbankan Pelaburan BNM yang mana panduannya telah diumumkan pada bulan Julai 2005.

Penggabungan AmBank dan AmFinance

Susulan penswastaaan AMFB pada 1 Jun 2005, hak perniagaan perbankan komersil AmBank diberi kepada AmFinance, menurut perintah penyerahan hak oleh Mahkamah Tinggi Malaya. AmFinance kemudiannya bertukar nama kepada AmBank (M) Bhd.

Antara faedah-faedah utama penggabungan ini adalah:

- AmBank menjadi bank komersil yang keenam terbesar di Malaysia
- Bilangan cawangan bank komersil bertambah daripada 23 kepada 171
- Perkhidmatan pelanggan yang lebih baik membolehkannya menawarkan rangkaian perkhidmatan dan produk kewangan yang lengkap kepada para pelanggan runcit dan korporat
- Mempunyai keupayaan untuk menurunkan kos pendanaan dengan menggerakkan akaun-akaun semasa
- Membolehkan Kumpulan mengembangkan pendedahan ke sektor IKS dengan menawarkan perkhidmatan overdraf, urusniaga kewangan dan kiriman wang
- Memperbaiki operasi-operasi pejabat dengan penggabungan fungsi-fungsi pejabat sokongan yang sama



Pemegangan Saham AmAssurance

Kumpulan menambah pemegangan sahamnya dalam AmAssurance daripada 65.9% kepada 80.0% dengan memperolehi kepentingan ekuiti tambahan 14.06%, memandangkan terdapat potensi untuk menarik nilai daripada aktiviti-aktiviti jaminan bank berterusan kehadiran dalam kedua-dua insurans am dan hayat.

Maju ke Hadapan


Struktur organisasi akan dikemaskan lagi untuk memperbaiki kecekapan dan sinergi perniagaan menerusi pelaksanaan proses-proses korporat berikut:

- penubuhan sebuah subsidiari Perbankan Islam untuk menjalankan perbankan Islam bagi Kumpulan AmBank;
- pembentukan sebuah Bank Pelaburan melalui perasionalan perniagaan perbankan pedagang dan pembrokeran saham; dan
- perluasan operasi di luar negara.



STRUKTUR KORPORAT YANG TELAH DIPERKEMASKAN PADA MEI 2005 UNTUK PERTUMBUHAN MASA HADAPAN

Selepas Penyusunan Semula Mei 2005




- Perbankan Runcit
- Perbankan Islam
- Perbankan Komersil
- Pinjaman IKS

- Perbankan Pelaburan
- Perbankan Luar Pesisir
- Dagangan Sekuriti dan Hadapan
- Pengurusan Dana
- Serantau:
 - Frasers Securities, Singapura
 - PT AmCapital, Indonesia

- Insurans Hayat
- Insurans Am

* Penggabungan Bank Komersil dan Syarikat Kewangan pada 1 Jun 2005

Pra-Penyusunan Semula Tahun 2004



AMMB berjaya memperolehi pemegangan saham yang selebihnya sebanyak 35.72% di dalam AMFB Holdings Bhd pada Mac 2005

KALENDAR KORPORAT

Cadangan	Tarikh	Acara
<p>Penswastaan AMFB Cadangan daripada AHB untuk menswastakan AMFB melalui perolehan 188,927,911 unit saham biasa dalam AMFB yang bukan milik AHB. Pertimbangan belian berdasarkan harga pasaran AMFB pada RM7.20 sesaham berjumlah RM1,360.3 juta.</p> <p><i>Pembayaran Pertimbangan Belian</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • RM623.5 juta menerusi 188,927,911 terbitan saham AHB yang baru berdasarkan satu (1) saham AHB baru bernilai RM3.30 sesaham untuk setiap satu (1) saham AMFB; dan • RM736.8 juta dalam bentuk tunai berdasarkan RM3.90 untuk setiap satu (1) saham AMFB 	<p>27.02.04</p> <p>10.12.04</p> <p>17.12.04</p> <p>31.01.05</p> <p>17.02.05</p> <p>17.02.05</p> <p>08.03.05</p> <p>30.03.05</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Cadangan diumumkan • Kelulusan BNM • Kelulusan SC • Kelulusan Para Pemegang Saham • Perintah Mahkamah • Pengumuman Penutupan Buku-buku • Penutupan Buku-buku dan Pembayaran Imbalan Belian • Pembatalan Penyenaraian AMFB
<p>Penyenaraian Kumpulan AmInvestment Cadangan untuk menyenaraikan operasi-operasi perbankan pelaburan AHB menerusi sebuah syarikat yang baru ditubuhkan, Kumpulan AmInvestment Berhad (AIGB).</p> <p>Sebelum penyenaraian, AHB telah memindahkan pemegangannya dalam AmMerchant dan AmSecurities Holding Sdn Bhd kepada AIGB.</p> <p>Tawaran jualan/terbitan terbatas:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 488.4 juta unit saham AIGB atau 37.0% modal dibayar AIGB kepada para pemegang saham AHB; • 39.6 juta unit saham atau 3.0% modal dibayar AIGB yang dikhususkan untuk para pengarah AHB; kakitangan AIGB dan rakan-rakan sekutu perniagaan AHB; • 118.8 juta unit saham atau 9.0% modal dibayar kepada Tan Sri Dato' Azman Hashim sebagai pelabur Bumiputera yang diluluskan; dan • Harga terbitan RM1.40 sesaham atau 1.05 kali NTA AIGB. <p>Disenaraikan di Papan Utama Bursa.</p>	<p>27.02.04</p> <p>31.05.04</p> <p>10.12.04</p> <p>17.12.04</p> <p>31.01.05</p> <p>08.03.05</p> <p>24.03.05</p> <p>31.03.05</p> <p>26.04.05</p> <p>18.05.05</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pengumuman Awal • Maklumat lanjut penyenaraian • Kelulusan BNM • Kelulusan SC • Kelulusan para pemegang saham • Pengumuman Penutupan Buku-buku untuk Kelayakan • Penutupan Buku-buku untuk Kelayakan • Penerbitan Prospektus • Pembayaran diterima • Penyenaraian saham-saham
<p>Penggabungan AmBank dan AmFinance Penyusunan semula dalaman untuk memudahkan penggabungan AmBank dan AmFinance.</p> <ul style="list-style-type: none"> • AHB memindahkan kesemua pemegangannya dalam AmBank ke dalam AMFB Holdings Bhd. • Susulan itu, AMFB Holdings Bhd memindahkan pemegangannya dalam AmFinance, bermakna AmBank menjadi subsidiari milik penuh AmFinance. • Penyerahan hak perniagaan perbankan komersil AmBank ke dalam AmFinance menurut perintah penyerahan hak daripada Mahkamah Tinggi Malaya. • AmFinance menukar namanya kepada AmBank (M) Bhd. • AmBank (M) Bhd mempunyai lesen untuk menjalankan Perniagaan Bank dan Kewangan di bawah BAFIN. • Penukaran sistem-sistem IT cawangan. • Penyatuan lejar am & sistem-sistem lain. 	<p>26.04.05</p> <p>20.05.05</p> <p>31.05.05</p> <p>31.05.05</p> <p>18.05.05</p> <p>01.06.05</p> <p>01.06.05</p> <p>01.06.05</p> <p>05.06.05</p> <p>19.06.05</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kelulusan BNM/KK • Kelulusan SC • Disempurnakan • Disempurnakan • Pembicaraan Mahkamah • Penyerahan Hak Aset • Penukaran nama • Pengeluaran lesen • Disempurnakan • Disempurnakan

Cadangan	Tarikh	Acara
Penambahan pemegangan saham AHB dalam AmAssurance <ul style="list-style-type: none"> • Memperolehi 47,116,000 unit saham iaitu 47.116% modal dibayar dalam AmAssurance daripada AmMerchant Bank. • Pertimbangan belian berdasarkan kos pelaburan AmMerchant di dalam AmAssurance. • Pertimbangan belian sejumlah RM75,762,537 untuk dijelaskan secara tunai. 	13.09.04	• Cadangan
	23.09.04	• Kelulusan BNM
	13.10.04	• Perjanjian Jual Beli ditandatangani
	23.02.05	• Kelulusan SC/FIC
	25.03.05	• Disempurnakan
AmBank memperoleh pemegangan saham dalam AmAssurance <ul style="list-style-type: none"> • Memperolehi 14,062,000 unit saham iaitu 14.062% modal dibayar dalam AmAssurance daripada ABH Holdings Sdn Bhd. • Pertimbangan belian berdasarkan penilaian aktuari. • Pertimbangan belian sejumlah RM44,588,774 untuk dijelaskan secara tunai. 	13.09.04	• Cadangan
	23.09.04	• Kelulusan BNM
	13.10.04	• Perjanjian Jual Beli ditandatangani
	09.12.04	• Kelulusan FIC
	14.12.04	• Disempurnakan

TAKWIM KEWANGAN

2004

31 Mei

Pengumuman keputusan disatukan yang diaudit dan dividen untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004.

30 Ogos

Pengumuman keputusan disatukan sebelum diaudit untuk suku pertama kewangan berakhir 30 Jun 2004.

6 September

Notis Pemberitahuan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-13, Notis Kelayakan dan Pembayaran Dividen, dan Laporan Tahunan untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004.

15 September

Notis Pemberitahuan Mesyuarat Agung Luar Biasa Ke-15 untuk pemerolehan kepentingan dalam AmAssurance Bhd oleh AmBank Berhad daripada ABH Holdings Sdn Bhd, dan bagi Mandat Pemegang Saham untuk Urus Niaga Pihak Berkaitan Berulang.

29 September

Mesyuarat Agung Tahunan Ke-13 dan Mesyuarat Agung Luar Biasa Ke-15.

6 Oktober

Tarikh kelayakan dividen pertama dan akhir.

21 Oktober

Pembayaran dividen pertama dan akhir sebanyak 4.0% tolak cukai untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004.

29 November

Pengumuman keputusan penyatuan sebelum diaudit untuk setengah tahun kewangan berakhir 30 September 2004.

2005

7 Januari

Notis Pemberitahuan Mesyuarat Agung Luar Biasa Ke-16 berhubung Penswastan AMFB Holdings Berhad, dan Penyenaraian AmInvestment Group Bhd.

31 Januari

Mesyuarat Agung Luar Biasa Ke-16.

25 Februari

Pengumuman keputusan disatukan sebelum diaudit untuk suku ketiga kewangan berakhir 31 Disember 2004.

16 Mei

Pengumuman keputusan disatukan yang diaudit dan dividen untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2005.

2 September

Notis Pemberitahuan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-14, Notis Kelayakan dan Pembayaran Dividen, dan Laporan Tahunan untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2005.

26 September

Mesyuarat Agung Tahunan Ke-14.

